

19/06/2000

RM2.5j biayai anak pesawah

KUALA PERLIS, Ahad - Padi Beras Nasional (Bernas) memperuntukkan sebanyak RM2.5 juta pendahuluan bagi membiayai Dana Pendidikan Anak Pesawah Cemerlang, bermula tahun ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata melalui dana itu anak pesawah yang cemerlang dalam pendidikan berpeluang menerima bantuan tahunan bernilai antara RM450 dan RM700 setiap seorang.

Bagaimanapun, katanya, bantuan itu terhad kepada pelajar yang memasuki tahun empat sekolah rendah, tingkatan satu dan empat saja.

"Bagi pelajar tahun empat dan lima yang berjaya akan menerima RM450 setiap seorang manakala pelajar tingkatan satu hingga tiga (RM600) dan tingkatan empat dan lima pula (RM700).

"Bantuan pendidikan itu akan disalurkan kepada pelajar terbabit sebanyak dua kali setahun semasa semester bermula," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Bulan Sukan Kebangsaan peringkat negeri Perlis 2000, perasmian larian pantai dan Kedai Bernas di Kompleks Bernas di sini, hari ini.

Pelancaran dana itu dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kompleks Bernas, Anak Bukit, Kedah, pada 21 November lalu.

Sehubungan itu, beliau berkata, borang permohonan sudah diedarkan dan pesawah yang menjadi pelanggan Bernas serta mempunyai anak yang cemerlang boleh mendapatkan borang di semua kompleks Bernas.

Shahidan berkata, antara syarat yang ditetapkan bagi pelajar tahun empat untuk memohon bantuan dana itu ialah perlu menduduki peperiksaan Penilaian Tahap Satu dan mengekalkan pencapaian pada tahap 80 peratus ke atas.

Bagi pelajar tingkatan satu, perlu memperolehi sekurang-kurangnya 4A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan peratus keputusan peperiksaan melebihi 80 peratus.

"Bagi tingkatan empat pelajar perlu memperolehi sekurang-kurangnya 5A di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR). Begitu pun, keutamaan adalah kepada pelajar yang memperolehi pangkat A dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia, Sains dan Matematik," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, berikutan langkah Bernas itu, lebih ramai pelajar terutama dari keluarga miskin berpeluang mendapat bantuan pendidikan.

Sebelum ini, bantuan kepada pelajar terbabit disalurkan melalui Dana Pendidikan negeri sumbangan pelbagai pihak termasuk Yayasan Pok dan Kassim (YPK), Yayasan Tuanku Syed Putra, Baitul Mal dan Yayasan Basmi Kemiskinan.

(END)